KERTAS KONSULTASI AWAM BIL. 03/2024:

HAK KEPADA KEMUDAHALIHAN DATA

BAHAGIAN 1: PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

[A] Pengenalan

1.1 Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("**Rang Undang-Undang Pindaan**"), yang memperkenalkan pindaan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**APDP**"), telah diluluskan tanpa pindaan oleh Dewan Rakyat pada 16 Julai 2024, dan oleh Dewan Negara pada 31 Julai 2024. Rang Undang-undang Pindaan itu kini menunggu perkenan Yang di-Pertuan Agong.

1.2 Fasal 9 Rang Undang-undang Pindaan bertujuan bagi memperkenalkan hak baharu kepada subjek data untuk kemudahalihan data, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data, dengan memasukkan Seksyen 43A baharu di bawah Bahagian II APDP.

1.3 Bagi memudahkan rujukan, teks penuh Seksyen 43A APDP yang memperuntukkan hak baharu untuk kemudahalihan data menyatakan seperti berikut:

> ***Hak kepada kemudahalihan data***
>
> ***43A.*** *(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang subjek data boleh meminta pengawal data untuk menghantar data peribadinya kepada pengawal data pilihannya yang lain secara langsung dengan memberikan suatu notis secara bertulis melalui cara elektronik kepada pengawal data itu.*
>
> *(2) Permintaan bagi kemudahalihan data yang disebut dalam subseksyen (1) adalah tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data.*
>
> *(3) Apabila permintaan kemudahalihan data di bawah subseksyen (1) diterima, pengawal data hendaklah menyempurnakan penghantaran data peribadi itu dalam tempoh yang ditetapkan.*

1.4 Secara ringkasnya, "**hak kemudahalihan data**" ialah hak subjek data untuk meminta penghantaran data peribadinya daripada seorang pengawal data kepada pengawal data yang lain. "**Permintaan kemudahalihan data**" mesti dibuat oleh subjek data secara bertulis dan diserahkan secara elektronik kepada pengawal data yang menghantar.

1.5 Bagi melengkapkan hak kemudahalihan data yang akan diperkenalkan oleh Seksyen 43A baharu APDP, cadangan Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Hak Kepada Kemudahalihan Data) ("**Peraturan Kemudahalihan Data**") dan Garis Panduan Hak Kepada Kemudahalihan Data ("**Garis Panduan Kemudahalihan Data**") sedang dibangunkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi ("**Pesuruhjaya**"). Peraturan Kemudahalihan Data dan Garis Panduan Kemudahalihan Data ini akan menyediakan panduan tambahan tentang tafsiran dan pelaksanaan hak kemudahalihan data serta melengkapi Seksyen 43A APDP.

1.6 Berdasarkan perkara di atas, Kertas Konsultasi Awam ("**KKA**") ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada orang awam mengenai aspek-aspek yang akan atau perlu diperjelaskan dalam Peraturan Kemudahalihan Data serta Garis Panduan Kemudahalihan Data yang dicadangkan.

BAHAGIAN 2: KEPERLUAN YANG DICADANGKAN UNTUK HAK KEMUDAHALIHAN DATA

2.1 Sebagai gambaran keseluruhan, Bahagian 2 KKA ini adalah mengenai cadangan keperluan yang akan diperjelaskan di dalam Peraturan Kemudahalihan Data dan Garis Panduan Kemudahalihan Data berdasarkan kategori berikut:

(a) Kesediaan untuk hak kemudahalihan data;

(b) Jenis data peribadi yang tertakluk kepada hak kemudahalihan data;

(c) Garis masa untuk memenuhi permintaan kemudahalihan data;

(d) Data sejarah;

(e) Bayaran; dan

(f) Penghantaran data peribadi yang timbul daripada permintaan kemudahalihan data.

[A] Kesediaan untuk hak kemudahalihan data

2.2 Latar belakang: Hak kemudahalihan data hanya boleh dilaksanakan dan dipatuhi apabila penghantaran data peribadi daripada pengawal data kepada pengawal data yang menerima boleh dilaksanakan secara teknikal.

2.3 "Kebolehlaksanaan teknikal" ditakrifkan sebagai keupayaan pengawal data untuk menghantar data daripada satu pengawal data kepada pengawal data yang lain dengan cekap dan berkesan, dengan menggunakan infrastruktur teknologi dan format yang tersedia. Tanpa kebolehlaksanaan teknikal, pengawal data tidak akan dapat memenuhi sebarang permintaan kemudahalihan data kerana pengawal data penerima tidak akan dapat menerima atau membaca sebarang data peribadi yang dihantar oleh pengawal data.

2.4 Walaupun begitu, adalah diakui bahawa mencapai kebolehlaksanaan teknikal yang lengkap antara semua pengawal data akan memberikan implikasi kos kepada pengawal data kerana ia memerlukan pelaksanaan sistem teknikal baharu.

2.5 Bidang kuasa lain yang memperuntukkan hak kemudahalihan data seperti UK, EU dan Thailand, mereka tidak menetapkan sebarang keperluan ke atas pengawal data untuk menerima pakai atau mengekalkan sistem pemprosesan yang boleh dilaksanakan secara teknikal dengan pengawal data lain.

2.6 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa pengawal data hanya perlu memenuhi permintaan kemudahalihan data jika terdapat kebolehlaksaan teknikal antara pengawal data dan pengawal data yang menerima.

2.7 Pengawal data tidak akan diperlukan untuk menerima pakai dan menyelenggara sistem atau proses baharu untuk mencapai kebolehlaksanaan teknikal. Walau bagaimanapun, pengawal data akan dikehendaki mematuhi mana-mana set standard teknikal, format data dan spesifikasi biasa untuk permintaan kemudahalihan data yang telah ditentukan oleh:

(a) Pesuruhjaya; atau

(b) forum pengawal data berkenaan dengan sektor / industri yang dipantau.

2.8 Sila ambil perhatian bahawa sebarang keperluan yang dikenakan hanya akan dikenakan ke atas pengawal data dalam sektor / industri tertentu dan akan mengambil kira sistem dan proses yang sedang digunakan oleh pengawal data dalam sektor / industri tersebut. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang gangguan atau pembaziran kos oleh pengawal data.

Soalan 1

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila kemukakan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Apakah pandangan anda tentang kesediaan pengawal data berhubung dengan pengenalan hak kemudahalihan data untuk subjek data?

(b) Apakah cabaran yang mungkin dihadapi oleh pengawal data apabila cuba mematuhi permintaan kemudahalihan data?

(c) Apabila Pesuruhjaya atau forum pengawal data mengenakan keperluan khusus pada standard teknikal, format data dan spesifikasi, apakah cabaran yang mungkin dihadapi oleh pengawal data akibat daripada implementasi keperluan ini?

(d) Adakah pada masa ini terdapat sebarang akses terbuka, saling kendali atau inisiatif berkaitan kemudahalihan data yang sedia ada di Malaysia? Jika jawapan anda ya, sila kemukakan butiran mengenai inisiatif tersebut.

(e) Adakah pada masa ini terdapat sebarang set standard, format data dan standard teknikal yang mungkin dikenakan ke atas pengawal data dalam sektor / industri tertentu? Jika jawapan anda ya, sila nyatakan sektor / industri yang anda rujuk bersama dengan butiran standard, format data dan standard teknikal tersebut.

[B] Jenis data peribadi yang tertakluk kepada hak kemudahalihan data

2.9 Latar belakang: Bidang kuasa lain biasanya mengehadkan hak kemudahalihan data kepada jenis data peribadi tertentu sahaja. Bidang kuasa seperti EU, UK dan Thailand biasanya mengehadkan hak ini kepada data peribadi yang: (i) berkaitan dengan subjek data; (ii) dalam bentuk elektronik; (iii) telah disediakan oleh subjek data kepada pengawal data; dan (iv) dikumpul dan diproses berdasarkan persetujuan atau untuk pelaksanaan kontrak.

2.10 Cadangan:

2.10.1 Adalah dicadangkan bahawa hak kemudahalihan data dihadkan kepada data peribadi yang memenuhi keperluan berikut:

(a) data peribadi yang diberikan secara langsung oleh subjek data;

Contoh:

Data peribadi yang diberikan secara langsung termasuk data yang diberikan oleh subjek data semasa melengkapkan borang pendaftaran atau jenis borang lain yang disediakan oleh pengawal data. Data peribadi yang termasuk dalam kategori ini termasuk nama subjek data, alamat e-mel dan nombor kad pengenalan.

Ini berbeza daripada "data cerapan" yang merujuk kepada data peribadi yang dikumpul melalui pemerhatian langsung pengawal data terhadap tingkah laku subjek data. Ini termasuk aktiviti penggunaan atau carian laman web, data trafik dan lokasi serta data mentah lain yang diproses oleh objek bersambung seperti meter pintar dan peranti boleh pakai.

(b) data peribadi yang diproses berdasarkan persetujuan (atau persetujuan eksplisit) atau berdasarkan kontrak yang mana subjek data merupakan pihaknya;

(c) data peribadi diproses dengan cara automatik. Semua data peribadi yang diproses dan disimpan secara manual (iaitu bukan elektronik) tidak akan termasuk di bawah hak kemudahalihan data; dan

(d) data peribadi tidak diklasifikasikan sebagai data inferens atau data terbitan.

Contoh:

"Data inferens" merujuk kepada sebarang maklumat atau kesimpulan yang dibuat tentang subjek data berdasarkan analisis, corak atau korelasi data lain mengenai subjek data untuk memastikan ciri atau kecenderungan tertentu tentang subjek data tanpa perlu mendapatkan maklumat terus daripada subjek data.

"Data terbitan" merujuk kepada sebarang maklumat tentang subjek data yang diperoleh oleh pengawal data dengan menganalisis, memproses atau mengagregatkan data lain tentang subjek data.

Perbezaan penting adalah kedua-dua data inferens dan terbitan dibuat / diperoleh oleh pengawal data melalui pemprosesan lanjut data peribadi yang sedia ada. Contohnya termasuk:-

- *hasil penilaian keadaan kesihatan subjek data oleh doktor;*
- *penciptaan profil untuk pengurusan risiko dan pematuhan peraturan kewangan oleh institusi kewangan; dan*
- *Personalisasi kandungan atau jenis iklan yang diberikan kepada subjek data melalui pengkategorian atau pemprofilan pengguna berdasarkan tingkah laku dan aktiviti mereka di media sosial.*

Data inferens dan terbitan boleh dibezakan daripada data cerapan berdasarkan soalan berikut:

"adakah data yang dipersoalkan wujud hasil daripada sebarang pemprosesan yang perlu dijalankan oleh pengawal data atau pemproses data yang digunakan oleh pengawal data?"

Apabila pengawal data mengumpul sejarah carian Google dan web seseorang, data tersebut dianggap sebagai data cerapan kerana ia merupakan pemerhatian langsung terhadap carian subjek data. Sebarang data terhasil sebagai akibat daripada pemprosesan sejarah carian dan web (iaitu analisis tingkah laku subjek data atau pilihan iklan) akan dianggap sebagai data inferens dan terbitan (ini tidak termasuk sebarang data peribadi yang diberikan secara langsung oleh subjek data seperti yang dinyatakan dalam contoh di bawah Perenggan 2.10.1).

2.10.2 Adalah dicadangkan bahawa senarai putih yang menyediakan senarai data peribadi yang akan dihantar sebagai sebahagian daripada permintaan kemudahalihan data digunakan. Senarai putih ini akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya, forum pengawal data atau pengawal selia setiap sektor / industri untuk pengawal data dalam setiap sektor / industri, dan berkemungkinan akan berbeza merentas sektor / industri. Pengawal data hanya diperlukan untuk menghantar data kepunyaan kategori yang disenaraikan dalam senarai putih. Walau bagaimanapun, apabila subjek data meminta data yang tidak tergolong dalam mana-mana kategori yang disenaraikan dalam senarai putih, pengawal data boleh menghantar data tersebut secara sukarela.

<u>Soalan 2</u>

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah anda fikir skop hak kemudahalihan data adalah mencukupi? Adakah skop ini perlu diperluaskan lagi atau dihadkan? Jika ya, dengan cara apa?

(b) Adakah anda fikir "data cerapan" harus disertakan atau dikecualikan daripada hak kemudahalihan data?

(c) Adakah anda fikir pengecualian "data terbitan" dan "data inferens" daripada hak kemudahalihan data mungkin secara tidak sengaja mengecualikan jenis data peribadi tertentu yang akan memberi manfaat kepada hak kemudahalihan data anda? Jika ya, jenis data yang manakah?

Sebagai contoh, nota klinikal doktor akan dianggap sebagai data inferens dan oleh sebab itu ia akan dikecualikan daripada hak kemudahalihan data. Subjek data tidak akan dapat menggunakan hak ini untuk meminta penghantaran data tersebut daripada satu pengawal data kepada yang lain.

(d) Adakah anda percaya bahawa penggunaan pendekatan penyenaraian putih dalam Garis Panduan akan membantu menghapuskan sebarang kemungkinan kekaburan atau kekeliruan mengenai jenis data peribadi yang termasuk dalam lingkungan hak?

(e) Jika ya, jenis data peribadi manakah yang anda fikir harus dimasukkan dalam skop senarai putih tersebut?

[C] Garis masa untuk mematuhi permintaan kemudahalihan data

2.11 Latar Belakang: Adalah perlu untuk memberikan garis masa untuk dipatuhi kepada pengawal data apabila berurusan dengan permintaan kemudahalihan data. Garis masa ini tidak boleh terlalu panjang kerana ia boleh menyebabkan permintaan kemudahalihan data menjadi tidak berguna terutamanya dalam kes di mana pengawal data yang menerima memerlukan data dengan segera. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh terlalu singkat kerana pengawal data memerlukan masa yang mencukupi untuk menyusun semua data peribadi yang berkaitan untuk penghantaran.

2.12 Bidang kuasa lain seperti EU dan UK biasanya memerlukan pengawal data untuk mematuhi permintaan kemudahalihan data dalam masa satu (1) bulan dari tarikh permintaan diterima. Lanjutan dua (2) bulan lagi dibenarkan untuk kes yang rumit, dengan syarat subjek data telah dimaklumkan tentang sebab kelewatan tersebut dalam bulan pertama permintaan diterima.

2.13 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa pengawal data diberi masa 21 hari untuk mematuhi permintaan kemudahalihan data. Sekiranya mereka tidak dapat mematuhi permintaan dalam tempoh 21 hari, mereka akan dikehendaki mematuhi permintaan tersebut selewat-lewatnya 14 hari selepas tamat tempoh 21 hari yang pertama. Garis masa ini serupa dengan yang disediakan untuk permintaan mengakses data dan pembetulan data.

Soalan 3

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

Adakah garis masa yang dicadangkan munasabah atau adakah garis masa yang lebih pendek / panjang perlu diberikan kepada pengawal data untuk bertindak balas terhadap permintaan kemudahalihan data?

[D] Data sejarah

2.14 Latar Belakang: Pengawal data mungkin akan memproses dan menyimpan data peribadi yang telah dikumpul sebelum ini. Apabila subjek data menggunakan hak kemudahalihan data mereka, pengawal data kemudiannya mungkin dikehendaki menghantar semua data peribadi yang berkenaan, termasuk data peribadi yang dikumpul sebelum ini dan masih disimpan oleh pengawal data tersebut.

2.15 Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa data peribadi yang disimpan oleh pengawal data masih tertakluk kepada prinsip penyimpanan. Data peribadi tersebut hendaklah dipadam atau dimusnahkan secara kekal apabila pengawal data tidak lagi memerlukan data tersebut bagi tujuannya atau tiada sebab untuk menyimpannya, tertakluk pada setiap masa kepada tempoh penyimpanan berkanun yang berkenaan mengikut undang-undang.

2.16 Di antara bidang kuasa yang dirujuk iaitu EU, UK, Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand, tiada had masa dikenakan ke atas permintaan kemudahalihan data berhubung dengan data peribadi yang telah dikumpul dan disimpan oleh pengawal data.

2.17 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa tiada had masa atau tempoh had dikenakan ke atas permintaan kemudahalihan data berkenaan dengan data peribadi yang dikumpul sebelum ini dan disimpan oleh pengawal data.

Soalan 4

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah perlu ada had masa / tempoh had yang dikenakan ke atas permintaan kemudahalihan data untuk data peribadi yang diproses dan disimpan oleh pengawal data sebelum permintaan itu?

(b) Jika jawapan anda ya, apakah had masa / tempoh had yang dicadangkan?

[E] Bayaran

2.18 Latar Belakang: Pengawal data mungkin menanggung kos akibat mematuhi permintaan kemudahalihan data. Kos ini akan berbentuk perbelanjaan yang ditanggung, masa dan tenaga kerja dalam menjalankan pencarian untuk semua data peribadi yang berkaitan, termasuk untuk penghantaran data peribadi tersebut kepada pengawal data yang menerima.

2.19 EU dan UK secara amnya melarang pengawal data daripada mengenakan sebarang bayaran untuk membalas permintaan kemudahalihan data. Walau bagaimanapun, mereka dibenarkan mengenakan bayaran yang berpatutan jika permintaan itu adalah secara nyata tidak berasas atau berlebihan. Bayaran yang dikenakan hendaklah berpatutan dan berdasarkan kepada kos pentadbiran untuk mematuhi permintaan tersebut.

2.20 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa pengawal data dibenarkan untuk mengenakan bayaran bagi memberi maklum balas terhadap permintaan kemudahalihan data daripada subjek data untuk menampung kos pematuhan yang berkaitan. Walaupun pengawal data tidak perlu membuktikan bahawa permintaan itu "secara nyata tidak berasas atau berlebihan", sebarang bayaran yang dikenakan hendaklah hanya berdasarkan kos pematuhan yang berkaitan. Tiada keuntungan boleh diperoleh daripada caj bayaran ini.

2.21 Walau bagaimanapun, untuk memastikan bahawa sebarang kos yang dikenakan tidak berlebihan, adalah dicadangkan supaya had bayaran yang serupa dengan permintaan akses data dilaksanakan. Ini bagi memastikan bayaran adalah munasabah dan berpatutan kepada subjek data di samping membolehkan pengawal data menampung kos berkaitan. Had bayaran ini akan ditetapkan melalui Peraturan.

Soalan 5

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah pengawal data boleh mengenakan bayaran untuk memberi maklum balas kepada permintaan kemudahalihan data daripada subjek data bagi menampung kos pematuhan yang berkaitan?

(b) Jika tidak, sila berikan alasan anda?

(c) Jika ya, sila berikan alasan anda dan nyatakan apakah had bayaran yang sepatutnya?

(d) Apakah pandangan anda tentang had bayaran yang berbeza-beza berdasarkan jumlah data yang akan dihantar?

[F] Penghantaran data peribadi yang timbul daripada permintaan kemudahalihan data

2.22 Latar Belakang: Bidang kuasa yang mempunyai hak kemudahalihan data seperti UK, EU, Singapura, Thailand dan Filipina memerlukan data peribadi dihantar dalam format berikut:

(a) menyokong penggunaan semula; dan

(b) dalam format berstruktur, lazim digunakan dan boleh dibaca oleh mesin.

2.23 Sebagai tambahan kepada perkara di atas, EU dan UK menasihatkan pengawal data untuk mengguna pakai format yang lazim digunakan dalam sektor / industri di mana pengawal data ini beroperasi atau, jika tiada format yang lazim digunakan tersedia, untuk menerima pakai penggunaan format terbuka (sebagai contoh: XML, JSON, CSV).

2.24 Selain itu, semua bidang kuasa yang mempunyai hak kepada kemudahalihan data mengenakan tanggungjawab ke atas pengawal data untuk memastikan keselamatan data semasa penghantaran dan memastikan ia dihantar ke destinasi yang betul.

2.25 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa pengawal data diberikan kelonggaran untuk menentukan kaedah terbaik yang tersedia untuk menghantar data yang diminta, dengan syarat:

(a) kaedah penghantaran adalah mematuhi mana-mana set standard atau format data lazim seperti yang ditentukan oleh Pesuruhjaya atau forum pengawal data yang berkaitan; dan

(b) terdapat langkah keselamatan yang sesuai untuk memastikan bahawa data peribadi dihantar dengan selamat dan ke destinasi yang betul / pengawal data yang menerima. Ini termasuk memenuhi sebarang keperluan keselamatan minimum yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan prinsip keselamatan di bawah Seksyen 9 APDP.

Soalan 6

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah anda bersetuju bahawa pengawal data harus mempunyai fleksibiliti untuk menentukan kaedah penghantaran bagi permintaan kemudahalihan data, selagi ia mematuhi standard biasa dan langkah keselamatan?

(b) Adakah anda mengetahui sebarang set standard atau format data lazim sedia ada yang digunakan oleh pengawal data untuk berkongsi atau memindahkan data? Jika ya, sila nyatakan.

(c) Adakah anda mengetahui sebarang keperluan keselamatan khusus sektor / industri sedia ada yang mengawal penghantaran atau perkongsian data antara

pengawal data, selain daripada piawaian yang ditetapkan oleh APDP dan Standard Perlindungan Data Peribadi 2015? Jika ya, sila nyatakan.